



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (36)
Tarikh : 10 Julai 2023
Bersamaan : 21 Zulhijjah 1444H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL. 34/2023/O : PEMAKLUMAN PERUBAHAN PENGIRAAN
CUKAI PENDAPATAN MULAI TAHUN TAKSIRAN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pengiraan kadar Potongan Cukai Bulanan (PCB) penjawat awam akan berubah seiring dengan perubahan kadar cukai baharu yang telah ditetapkan. Penggunaan kadar cukai baharu ke atas pengiraan PCB adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2023 selari dengan Akta Kewangan 2023 yang telah diwartakan pada 31 Mei 2023. Maklumat lanjut berkaitan kadar cukai tahun taksiran 2023 boleh diperolehi di laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri.

3. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kadar PCB baharu bagi penjawat awam persekutuan akan bermula pada gaji bulan Julai 2023.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M),CPA (Aust))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka